

BARISAN NASIONAL

BERSATU-DIRI

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

"AHLI-AHLI PAS dan UMNO tidak sepatutnya berpecah-belah semata-mata kerana parti politik. Sebagai orang Melayu yang beragama Islam, mereka adalah bersaudara dan perlu hidup dalam suasana aman damai, saling faham memahami dan bekerjasama antara satu sama lain".

Utah antara lain nashih Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika menerima keemasan ahli-ahli PAS ke dalam UMNO di kediamannya di Titi Gajah, Alor Setar baru ini.

Dari ungkapan ringkas itu jelas menunjukkan betapa Datuk Seri Dr. Mahathir serius memikirkan masalah perpaduan orang-orang Melayu. Bagi beliau, persoalan politik tidak seharusnya menjadi punca pecah belah masyarakat Melayu kerana sebagai satu bangsa dan agama, mereka mestilah mengekalkan persatuan dan kesatuan yang tinggi dan hidup dengan aman damai.

Perpaduan
Kalaupun diteliti ucapan-ucapan Datuk Seri Dr. Mahathir, baik sebelum beliau menjadi Perdana Menteri ataupun semasa menjadi Perdana Menteri, tidak kedapatan unsur-unsur selowang atau menghentam dilemparkan kepada ahli-ahli PAS. Sebaliknya, beliau bertekad menunjukkan dan mengesakan mereka berfikir demi kepentingan perpaduan orang-orang Melayu.

Hasrat Datuk Seri Dr. Mahathir mahu melihat orang-orang Melayu hidup berpadu, memang dapat diteliti dari awal lagi kerana beliau adalah seorang nasionalis tahap kedua yang mahu menstabilkan segala segi bagi meneruskan cita-cita bangsa negara dan agama.

Dalam konteks ini, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bukanlah sekadar seorang Perdana Menteri yang cekap dan tegas sahaja, malah beliau juga seorang pejuang perpaduan umat yang sangat terangi-terangan menyuarakan hasratnya itu. Kemasukan PAS dalam Barisan Nasional tahun 1974 dulu sebahagian besar adalah peranan beliau sendiri. Malahan di saat-saat PAS hendak keluar, Barisan Na-

sional, beliau sendiri selaku Timbalan Perdana Menteri terbang ke Kelantan untuk mendampingi Datuk Asri dengan Datuk Mohamad Nasir, tetapi sayangnya usaha jujuk itu tidak diterima oleh Datuk Asri.

Bagi Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, perpaduan orang-orang Melayu lebih bererti dari kepentingan politik parti sendiri. Keadaan ini jelas dilihat semasa PAS menyertai Barisan Nasional dahulu, di mana UMNO terpaksa mengorbankan beberapa kerusi yang turut diberikan kepada PAS dalam pilihanraya 1974.

Sentimen
Kita sedar sekiranya PAS menyertai Barisan Nasional bermakna beberapa kubu kuat UMNO terpaksa diarahkan kepada PAS. Tetapi ini perkara kecil sahaja kerana apa yang kita perlukan ialah perpaduan orang-orang Melayu, demikian tegasnya baru-baru ini.

Sememangnya perpaduan ini dapat wujudkan sekiranya pucuk pimpinan PAS bersetuju menyertai Barisan Nasional. Keadaan ini terbukti selepas tahun 1974 apabila ahli-ahli PAS dan UMNO sama-sama bergembeling tenaga dan hidup bermasyarakat.

Bagaimanapun, selepas tahun 1978, setelah PAS keluar

Barisan Nasional, perpecahan ini timbul semula. Suasana 'tegang' amat ketara sekali di negeri-negeri yang kuat pengaruh PAS terutama Kedah, Perlis, Kelantan dan Trengganu.

Pula-mula-mula antara ahli-ahli PAS dan UMNO kemudiannya berlaku. Keadaan hidup berpecah-pukuk jelas kelihatan dalam upacara-upacara kenegaraan, kematian dan sebagainya. Keadaan ini semakin teruk dan mengerikan kerana kegiatan kemasyarakatan kampung-pakatan-pakatan pinggan mangkuk, khairat kematian turut terhempas dan masing-masing pukuk terpaksa mengadakan pakatannya sendiri.

Dalam keadaan ini, hubungannya tidak lagi dipertingkatkan. Semakin mencelah politik yang semakin rengganglah perhubungan antara satu sama lain.

Apapun yang menyedihkan, timbul pula isu kafir-mengkafir sehingga tidak boleh sebahagian satu masjid, sebahagian si ana tidak boleh di makan dan bermacam tuduh-menyuduh yang merosakkan perpaduan wujud di sana sini.

Sememangnya perpecahan ini tidak ada apa-apa kebatuan langsung sebaliknya menjadi penyakit kepada bangsa Melayu yang masih di zaman peralihan menuju puncak kejayaan. Apakah tidaknya, dengan per-

saan berpecah-pukuk ini, sebarang perancangan sukar dijalankan kerana satu pihak mendedam pihak yang lain.

Malahan, dengan dakwah-dakwah politik 'jahat' terhadap pula mereka yang langsung tidak mahukan pembangunan kerana penumpukan diberi untuk hidup sebagai manusia yang beradab dan berkeadilan. Tidak kurang pula mereka yang mendesa-kajangan menerima sumbangan-sumbangan Kerajaan kononya haram dan sebagainya.

Cara damai

Bagi Datuk Seri Dr. Mahathir, perpecahan ini amatlah menyedihkan kerana masyarakat di negeri-negeri Utara Malaysia masih memerlukan banyak perubahan.

Oleh yang demikian, satu cara mendamaikan mereka ialah dengan kenyataan semula PAS ke dalam Barisan Nasional.

Justeru itu, pelawaian beliau supaya PAS menyertai Barisan Nasional yang dibuat di Besut Trengganu baru-baru ini adalah pelawaian jujur yang mengambil kira kepentingan perpaduan orang-orang Melayu.

Sebagai seorang yang cintakan bangsanya, Datuk Seri Dr. Mahathir tidak mahu melihat orang-orang Melayu terus berkarut antara mereka banyak kerja yang bermanfaat boleh dilakukan.

Jarak kali masa sudah sampai bagi semua orang Melayu memikirkan masalah ini dengan jelas dan jujur. Apah untungnya menghidup berpecah-belah seperti itu? Walaupun ideologi politik itu mencokok di jiwa mereka, apakah itu tidak boleh dipisahkan demi perpaduan umat.

Jelajanya di sini, mengapakah pemimpin-pemimpin PAS tidak mahu mengukuhkan hasrat kepimpinan yang ada sekarang sedemikian yang mengimbangi antara kepentingan kebenaran dan kerohanian?

Sepatutnya, pemimpin-pemimpin PAS yang pernah mengukuhkan kepimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai jujur dan berfikir luas, telah mengambil tekad baru bersama-sama membina negara dan bangsa atas dasar berurusan dengan politik yang memihak-bela-hakkan masyarakat.

Kalau ditinjau sepintas lalu, perpecahan di kalangan ahli-ahli PAS dan UMNO ini, sebahagian besarnya disebabkan sikap dan tindakan pemimpin-pemimpin pertengahan kedua-dua parti. Oleh kerana mereka ini memisahkan antara kepentingan kampung-mukamaka pengaruh mereka mudah sampai dan diterima oleh masyarakat kampung.

Dalam hal ini kedua-dua pihak terlibat. Bagi

pemimpin PAS, mungkin disebabkan kehairan politik, menggunakan isu-isu agama dan perkauman menghentam dan menduahkan ahli-ahli UMNO. Manakala bagi pemimpin-pemimpin UMNO di peringkat kampung untuk menggunakan taktik 'mengancam', kononnya ahli-ahli PAS tidak berkah mendapat dan ini selagi mereka tidak menyokong Kerajaan.

Kedua-dua faktor ini selanjutnya melahirkan satu trend baru, orang-orang kita Baik PAS mahupun UMNO nampaknya semakin popular menggunakan pendekatan dan menyalahkan sesama sendiri yang menyalahkan sesama sendiri.

Bagaimanapun, dakwah politik PAS yang menekankan agama, punca utama mengapa setengah masyarakat kampung tidak berurusan dengan politik dan begitu sukar ditembus oleh pengaruh-pengaruh parti politik lain. Keadaan ini semakin mencelah apabila pemimpin-pemimpin parti itu bertekad menyokong unsur-unsur sentimen kepada penyokong mereka.

Tekad baru

Secara langsung, seperti mana yang pernah ditegaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir, PAS sendiri ialah bertanggungjawab menyebabkan perpecahan orang-orang Melayu ini berterusan. Sehubungan ini, tokoh-tokoh PAS sepatutnya tidak banyak berurusan apabila PAS ditawarkan menyertai semula Barisan Nasional.

Melihat kepada hasrat Perdana Menteri untuk mewujudkan perpaduan orang-orang Melayu inilah, maka mereka yang selama ini memperkatakan masalah kebangkitan semula Islam, terutama pengikut-pengikut PAS mestilah berfikir dua kali sebelum membuat keputusan slapah yang hendak dipilih pada 22 April ini.

Persoalan perpaduan ini perlu difikirkan secara mendalam oleh kira-kira seratus ribu orang Melayu di Kedah, Kelantan, Perlis dan Trengganu iaitu negeri-negeri yang majoritinya orang Melayu. Bagi mereka ini, tarikh 22 April bukan saja penting dari segi amalan demokrasi tetapi juga penting sebagai tarikh pengalihan dan penentuan arah tujuan orang-orang Melayu sendiri.



PERDANA Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berucap kepada penyokong penyokong PAS yang berpadu telah menyokong UMNO di Kedah baru-baru ini.